| | | <p><i>Selepas kematian, semua hak dalam dan ke atas Akaun akan secara automatik terletak pada wakil peribadi anda yang akan bertanggungjawab kepada Bank untuk semua caj, obligasi dan liabiliti bagi semua Akaun anda. Tertakluk kepada sebarang kewajipan undang-undang yang berkenaan dalam bidang kuasa yang berkaitan, Bank hendaklah memegang sebarang Pelaburan dalam Akaun, aset lain dan dokumen yang didepositkan dengan Bank atas perintah wakil peribadi anda dan boleh melepaskannya (tanpa sebarang liabiliti atau obligasi) selaras dengan arahan bertulis mana-mana wakil peribadi tersebut.</i></p> <p>12.2 In the case of Joint Accounts, in the event of death of any one of the Joint Account holders, the Bank is authorised to accept the authority of the survivor(s) or any one of them (if more than one) and the Bank may allow the survivor(s) to manage the Joint Account. However, the Bank is not obliged to allow the survivor(s) such access to the Joint Account if any fees and charges is in arrears and due and owing to the Bank under these General Terms or if a court order directs otherwise. It is further confirmed that in complying with this Clause herein, the Bank shall neither be responsible nor incur any liability whatsoever to you, your legal representative(s) or executor or any other person for any losses howsoever caused.</p> <p><i>Dalam kes Akaun Bersama, sekiranya berlaku kematian salah seorang pemegang Akaun Bersama, Bank diberi kuasa untuk menerima pihak berkuasa orang yang masih hidup atau salah satu daripada mereka (jika lebih daripada satu) dan Bank boleh membenarkan orang yang masih hidup untuk mengurus Akaun Bersama. Walau bagaimanapun, Bank tidak bertanggungjawab untuk membenarkan akses kepada Akaun Bersama kepada orang yang masih hidup sekiranya sebarang yuran dan caj tertunggak serta hutang yang perlu dibayar kepada Bank di bawah Terma Am ini atau jika perintah mahkamah mengarahkan sebaliknya. Dalam mematuhi Klausu ini, Bank tidak akan bertanggungjawab atau menanggung apa-apa liabiliti kepada anda, wakil sah anda atau wasi atau mana-mana orang lain untuk sebarang kerugian akibat daripadanya.</i></p> |
| 12. | Custody Penjaga / (Clause 13 / Klausu 13) | <p><u>The following new clauses have been added / Klausu berikut telah ditambah:</u></p> <p>13.1 You acknowledges and accepts that the Bank or the Custodian shall act as bare custodian of the Structured Investment.</p> <p><i>Anda mengakui dan menerima bahawa Bank atau Penjaga hendaklah bertindak sebagai penjaga kosong Pelaburan Pautan Berstruktur.</i></p> <p>13.2 The Bank reserves the right to make such arrangements as it may think fit for the holding of your investments in safe custody, including the appointment of a Custodian. If your investment are registered in the name of the Custodian, the Bank shall procure that the Custodian shall record and hold in a separate account in its books all Investments received and held by it from time to time for the account of the Customer and shall arrange for all such investments to be held in safe custody on such terms and in such manner as the Bank may in its discretion determine as agreed between the Bank and the Customer.</p> <p><i>Bank berhak untuk membuat pengaturan sedemikian yang difikirkan sesuai untuk menyimpan pelaburan anda dalam jagaan selamat, termasuk pelantikan Penjaga. Jika pelaburan anda didaftarkan atas nama Penjaga, pihak Bank hendaklah memastikan bahawa Penjaga hendaklah merekod dan menyimpan dalam akaun berasingan dalam bukunya semua Pelaburan yang diterima dan dipegang olehnya dari semasa ke semasa untuk akaun Pelanggan dan hendaklah mengatur agar semua pelaburan sedemikian disimpan dalam jagaan selamat atas apa-apa terma</i></p> |

| No | Section/ Seksyen | New/ Revised Clause <i>Baru / Klausu yang dipinda</i> |
|-----|--|---|
| | | <p><i>dan mengikut cara yang Bank boleh mengikut budi bicaranya tentukan seperti yang dipersetujui antara Bank dan Pelanggan.</i></p> <p>13.3 You hereby consents that the Bank and the Custodian shall be entitled to appoint such persons as may be permitted under the Applicable Laws to act as (a) a sub-custodian of any of the investments of the Customer held by the Bank and/or the Custodian and/or (b) as an administrator to assist in the performance of the Bank's obligations on such terms as the Bank may, in its absolute discretion, considers appropriate.</p> <p><i>Anda dengan ini bersetuju bahawa Bank dan Penjaga berhak untuk melantik orang yang dibenarkan di bawah Undang-undang Terpakai untuk bertindak sebagai (a) sub-penjaga mana-mana pelaburan Pelanggan yang dipegang oleh Bank dan/atau Penjaga dan/atau (b) sebagai pentadbir untuk membantu dalam melaksanakan kewajipan Bank atas apa-apa terma yang Bank mungkin, mengikut budi bicaranya, anggap sesuai.</i></p> |
| 13. | General / Am (Clause 14/ Klausu 14) | <p><u>The following clauses have been revised / Klausu berikut telah dipinda:</u></p> <p>14.1 Notices / Notis</p> <p>(a) Any notification, confirmation, statement, notice, letter or demand shall be sent by the Bank to you in any of the following manner:</p> <p><i>Apa-apa pemberitahuan, pengesahan, penyata, notis, surat atau permintaan yang dihantar oleh Bank kepada pelanggan boleh diserahkan melalui cara berikut:</i></p> <p>(i) By notice in the account statement; <i>Melalui notis dalam penyata akaun;</i></p> <p>(ii) By notice at any of the Bank's branches premises; <i>Melalui notis di mana-mana cawangan Bank;</i></p> <p>(iii) By ordinary post or registered post or courier or by hand sent to or left at the Customer last known address as per the Bank's record and shall be deemed to be received by the Customer; <i>Melalui pos biasa atau pos berdaftar atau kurier atau serahan tangan yang dihantar kepada atau ditinggalkan di alamat terakhir Pelanggan seperti dalam rekod Bank dan akan dianggap sebagai sudah diterima oleh Pelanggan.</i></p> <p>(iv) By general notice in newspaper or posted at the Bank's branch premises or on visual screen through a computer or visual terminal or on the Bank's website at https://www.alliancebank.com.my/ and the notice shall be deemed to have been sent or effective from the date of such notice or the date specified in the notice; or <i>Melalui notis am di surat khabar atau diposkan di premis cawangan Bank atau di skrin visual melalui komputer atau terminal visual atau di laman web Bank di https://www.alliancebank.com.my/ dan notis tersebut akan dianggap telah dihantar atau berkuat kuasa dari tarikh notis tersebut atau</i></p> <p>(v) By notice via electronic messages which shall be taken to have been received at the time of transmission. <i>Melalui pemberitahuan melalui mesej elektronik yang dianggap telah diterima semasa penghantaran.</i></p> |

| No | Section/ Seksyen | New/ Revised Clause Baru / Klausu yang dipinda |
|----|---------------------|--|
| | | <p><u>The following clauses have been revised / Klausu berikut telah dipinda:</u></p> <p>(b) Any notices required to be given by the Customer to the Bank may be given by ordinary or registered post or courier sent to or left at the designated branch at which the Account(s) is maintained and shall be effective upon acknowledgment of receipt by the Bank.</p> <p><i>Apa-apa notis yang perlu diberi oleh Pelanggan kepada Bank boleh diserahkan melalui pos biasa atau berdaftar atau kurier yang dihantar kepada atau ditinggalkan di cawangan tertentu di mana Akaun dikendalikan dan akan berkuat kuasa sebaik sahaja penerimaannya dimaklumkan oleh Bank.</i></p> <p>(c) You shall immediately notify us in writing of any change in your address or your facsimile number (if any), electronic mail address and mobile phone number where such notice, communication, confirmation, advice or bank statement can be served or transmitted. The Bank's right under these General Terms are not to be affected by any failure on your part to notify the Bank of any change in your address, facsimile number (if any), electronic mail address and mobile phone number.</p> <p><i>Anda hendaklah segera memberitahu kami secara bertulis tentang sebarang perubahan dalam alamat anda atau nombor faksimili anda (jika ada), alamat mel elektronik dan nombor telefon mudah alih di mana notis, komunikasi, pengesahan, nasihat atau penyata bank tersebut boleh disampaikan atau dihantar. Hak Bank di bawah Terma dan Syarat ini tidak akan terjejas oleh sebarang kegagalan di pihak anda untuk memberitahu Bank tentang sebarang perubahan dalam alamat anda, nombor faksimili (jika ada), alamat mel elektronik dan nombor telefon mudah alih.</i></p> <p>(d) The Bank shall send or cause to be sent to the Customer statements relating to the Customer's Account at Customer last known address as per the Bank's record. The Customer is required to review the transactions recorded in the statements and notify the Bank of any errors, irregularities, discrepancies, claims or inaccuracy. If the Customer does not notify the Bank to the contrary within fourteen (14) calendar days from the date on which the Customer receives or have received the statement, the Customer have accepted all the entries contained therein as being correct and binding against the Customer and the Customer shall be precluded from making any claim against the Bank by alleging that the statement is inaccurate.</p> <p><i>Bank harus menghantar atau menyebabkan penghantaran penyata berkenaan Akaun Pelanggan kepada Pelanggan di alamat terakhir Pelanggan yang diketahui seperti dalam rekod Bank. Pelanggan dikehendaki menyemak transaksi yang direkodkan di dalam penyata dan memaklumkan kepada Bank jika terdapat apa-apa kesilapan, apa-apa yang tidak kena, percanggahan, tuntutan atau ketidaktepatan. Sekiranya Pelanggan tidak memaklumkan kepada Bank sebaliknya dalam tempoh empat belas (14) hari kalendar dari tarikh Pelanggan menerima atau dianggap telah menerima penyata tersebut, Pelanggan dianggap sudah menerima semua entri yang terkandung di dalamnya sebagai betul dan sah terhadap Pelanggan dan Pelanggan adalah terhalang dari membuat apa-apa tuntutan terhadap Bank dengan mengatakan bahawa penyata tersebut adalah tidak tepat.</i></p> <p>14.2 Indemnity Tanggungan Rugi</p> <p>(a) You shall on demand fully indemnify and keep us indemnified and hold us harmless from and against all losses, costs, damages, claims, charges and expenses</p> |

| No | Section/ Seksyen | New/ Revised Clause <i>Baru / Klausu yang dipinda</i> |
|----|---------------------|--|
| | | <p>including legal costs on a full indemnity basis and all goods and services, value added and other duties and taxes payable on such costs, charges and expenses, which the Bank may sustain, suffer or incur and you shall pay and reimburse the same on demand at any time or from time to time unless such losses have been incurred as a result of the Bank and its personnel's gross negligence or willful default:</p> <p><i>Anda hendaklah menanggung rugi sepenuhnya dan terus menanggung rugi dan tidak menyalahkan kami daripada dan terhadap semua kerugian, kos, kerosakan, tuntutan, caj dan perbelanjaan, termasuk kos guaman atas dasar ganti rugi penuh dan semua barangan dan perkhidmatan, nilai tambah dan duti serta cukai lain yang kena dibayar atas kos, caj dan perbelanjaan yang sedemikian, yang mungkin Bank hadapi, alami atau tanggung dan anda hendaklah membayar dan membayar balik atas permintaan pada bila-bila masa atau dari semasa ke semasa melainkan jika kerugian tersebut telah ditanggung oleh Bank akibat kecuaiannya atau keingkaran yang disengajakan.</i></p> <p>14.3 Liens; Set Off and Consolidation of Accounts/ Hak Gadai, Tolak Selesai dan Penyatuan Akaun</p> <p>(a) Without prejudice to any lien, right of set off or other right to which the Bank may be entitled, the Bank may at any time with prior notice or demand to you combine or consolidate all or any of your Accounts or to transfer or set off any sums of money standing to the credit of such Accounts towards the satisfaction of any or all of your liabilities to us, whether present or future, actual or contingent, primary or collateral, several or joint and whether as principal or surety.</p> <p><i>Tanpa menjejaskan apa-apa lien, hak tolak selesai atau hak lain yang Bank mungkin layak, Bank boleh pada bila-bila masa, dengan memberi notis terlebih dahulu atau meminta anda supaya menggabungkan atau menyatukan semua atau mana-mana Akaun anda atau untuk memindahkan atau menolak apa-apa jumlah wang yang ada dalam kredit Akaun itu untuk menyelesaikan mana-mana atau semua liabiliti anda kepada kami, sama ada pada masa sekarang atau masa depan, yang sebenar atau luar jangkaan, utama atau cagaran, berasingan atau bersama dan sama ada sebagai prinsipal atau penjamin.</i></p> <p>(b) You hereby authorise us to effect any necessary conversions as the Bank may deem fit of one currency into another, at our rate of exchange then prevailing, and you shall indemnify us fully and effectually facilitate against any shortfall, exchange losses, commission or any other liability thereby incurred. The Bank shall be entitled to accelerate and mature the repayment of any amounts placed with us in order to facilitate such combination, consolidation, set-off of transfer.</p> <p><i>Dengan ini anda memberi kuasa kepada Bank untuk melaksanakan sebarang penukaran yang perlu, seperti yang Bank fikirkan patut, dari satu matawang kepada yang lain, pada kadar pertukaran semasa ketika itu, dan anda hendaklah menanggung rugi kami sepenuhnya dan menampung sebarang kekurangan, kerugian pertukaran, komisen atau apa-apa liabiliti lain yang ditanggung akibat itu. Bank berhak untuk mempercepatkan dan mematangkan pembayaran balik apa-apa jumlah yang diletakkan dengan kami bagi memudahkan penggabungan, penyatuan dan tolak selesai pemindahan tersebut.</i></p> |

| No | Section/ Seksyen | New/ Revised Clause Baru / Klausu yang dipinda |
|----|---------------------|--|
| | | <p><u>The following clauses have been revised / Klausu berikut telah dipinda:</u></p> <p>14.4 Waiver and Indulgence/ Pengecualian dan kelonggaran</p> <p>(a) The Bank may, from time to time waive unconditionally or on such terms and conditions as the Bank deem fit any breach by you of any of the provisions of these General Terms or grant such time or indulgence for so long as the Bank deem fit, provided that: <i>Bank boleh, mengikut budi bicara kami dari semasa ke semasa mengecualikan tanpa syarat atau apa-apa terma dan syarat sebagaimana Bank fikirkan patut, sebarang pelanggaran oleh mana-mana peruntukan Terma Am ini oleh anda atau memberi masa atau kelonggaran itu untuk sekian lama yang Bank anggap patut, dengan syarat bahawa:</i></p> <p>(i) such neglect or forbearance on our part to enquire and/or enforce the performance and observance of the provisions of these General Terms or any waiver, time or indulgence which may be given to you shall not prejudice or affect out rights, powers or remedies at any time afterwards to act strictly in accordance with the provisions of these General Terms; and <i>kecuaian atau peninggalan kami yang menghendaki dan/atau menguatkuasakan prestasi dan pematuhan peruntukan Terma Am ini atau sebarang pengecualian, masa atau kelonggaran yang boleh diberikan kepada anda tidak akan menjejaskan atau menyentuh hak-hak kami, kuasa atau remedi pada bila-bila masa selepas itu untuk bertindak tegas mengikut peruntukan Terma Am ini; dan</i></p> <p>(ii) such waiver shall not prejudice our rights in respect of any other existing or subsequent breach of any provisions of these General Terms. <i>pengecualian itu tidak boleh menjejaskan hak kami berkenaan dengan apa-apa pelanggaran lain yang sedia ada atau yang berikutnya bagi mana-mana peruntukan Terma Am ini.</i></p> <p>14.5 Extraordinary Events; Change of Circumstances / Perihal Luarbiasa; Perubahan Keadaan</p> <p>(a) Without prejudice to the provisions of Clause 8 above, if there occurs in relation to any of your Accounts, or any Structured Investment, an Extraordinary Event, the Bank shall have the discretion to determine any adjustments or actions necessary in relation to such Account, such Structured Investment or any or all transactions between you and us in view of the Extraordinary Event. Such adjustments or actions may include altering or varying any profit payable under the Structured Investment, the underlying investment products, formula or method or computation of any profit on the Structured Investment or specifications of such Structured Investment or terminating the transaction in question or some or all transactions or the suspension or closure of the Account or otherwise. <i>Tanpa menjejaskan peruntukan Klausu 8 di atas, jika berlakunya Perihal Luarbiasa berhubung dengan mana-mana Akaun anda, atau mana-mana Pelaburan Pautan Berstruktur, Peristiwa Luarbiasa, pihak Bank mempunyai budi bicara untuk menentukan sebarang pelarasan atau tindakan yang perlu berhubung dengan Akaun tersebut, Pelaburan Pautan Berstruktur tersebut, atau, sebarang atau semua transaksi antara anda dengan kami berkaitan dengan Perihal Luarbiasa itu. Pelarasan atau tindakan itu termasuk menukar atau mengubah apa-apa faedah yang kena bayar di bawah Pelaburan Pautan Berstruktur, Pelaburan Pautan Berstruktur pelaburan asas, formula atau kaedah atau pengiraan apa-apa faedah</i></p> |

| No | Section/ Seksyen | New/ Revised Clause Baru / Klausu yang dipinda |
|----|---------------------|---|
| | | <p><i>pada Pelaburan Pautan Berstruktur atau spesifikasi Pelaburan Pautan Berstruktur seperti menamatkan transaksi berkenaan atau sebahagian atau semua transaksi atau penggantungan atau penutupan Akaun itu atau sebaliknya.</i></p> <p>14.6 Variation / Perubahan</p> <p>(a) The Bank reserves the right to add to, alter, vary or modify any of the General Terms contained herein at any time in our discretion, and will notify you of the changes at least by giving twenty-one (21) days prior to the implementation of such variation. Such changes may be notified to you by any one or more of the following means: <i>Bank berhak untuk menambah, meminda, mengubah atau mengubah suai mana-mana Terma Am yang terkandung di sini pada bila-bila masa mengikut budi bicara kami, dan akan memaklumkan kepada anda tentang perubahan ini sekurang-kurangnya dua puluh satu (21) hari sebelum pelaksanaan sebarang perubahan. Perubahan tersebut akan dimaklumkan kepada anda oleh mana-mana satu atau lebih daripada satu cara yang berikut:</i></p> <p>(i) issuing notices to you by post or electronic mail, or publishing such changes on the Bank's statements sent to you from time to time; <i>mengeluarkan notis kepada anda melalui pos atau mel elektronik, atau menerbitkan perubahan tersebut pada penyata bank yang dihantar kepada anda dari semasa ke semasa;</i></p> <p>14.7 Taxes / Percukaian</p> <p>(a) In the event that any tax (whether income tax or any other applicable tax of any nature whatsoever) is required by law whether in or outside Malaysia to be paid by us in relation to any matter arising out of these General Terms, any Account, any Structured Investment or any amount in any accounts in relation thereto, such tax shall be borne and paid by you and we may, at our option, either debit from any of your Accounts or other account a sum equivalent to such tax or make a separate demand to you for payment of such tax. <i>Sekiranya terdapat apa-apa cukai (samada cukai pendapatan atau apa-apa cukai terpakai yang lain dalam apa jua bentuk) diperlukan oleh undang-undang samada dalam atau luar Malaysia akan dibayar oleh kami berhubung dengan apa-apa perkara berbangkit dari Terma Am ini, mana-mana Akaun, mana-mana Pelaburan Pautan Berstruktur atau apa-apa jumlah dalam mana-mana akaun berhubung dengannya, cukai seperti ini hendaklah ditanggung dan dibayar oleh anda and kami mungkin, mengikut pilihan kami, samada debit daripada mana-mana akaun anda atau akaun lain satu jumlah yang bersamaan dengan apa-apa cukai atau membuat tuntutan berasingan kepada anda untuk bayaran apa-apa cukai.</i></p> <p>14.8 Disclosure of Information/ Pendedahan Maklumat</p> <p>(a) The Customer consents to and authorises the Bank and its officers and employees to disclose and furnish all information concerning the Customer particulars and affairs (financial or otherwise), account details, relationship with the Bank, the terms of these General Terms agreement and any other matters relating to the Customer or its business and operations to the following classes of persons in such manner and to such extent as the Bank may consider necessary: <i>Pelanggan memberi kebenaran yang tidak boleh ditarik balik dan memberi kuasa kepada Bank serta pegawai dan kakitangannya untuk mendedahkan dan memberi semua maklumat berkenaan butiran dan hal ehwal Pelanggan (keuangan atau</i></p> |

| No | Section/ Seksyen | New/ Revised Clause Baru / Klausu yang dipinda |
|----|---------------------|--|
| | | <p><i>sebaliknya), perincian akaun, hubungan dengan Bank, terma dalam Terma Am dan perkara-perkara lain yang berkaitan dengan Pelanggan atau pemiagaan dan operasinya kepada kelas-kelas individu yang berikut dengan cara dan setakat mana yang dianggap perlu oleh Bank:</i></p> <p>(i) the Bank's related companies by virtue of of the Companies Act 2016 or any associated company of the Bank (the Bank together with the aforesaid related/associated companies are collectively referred as "the Group") and their assignees and successors-intitle. For avoidance of doubt, disclosure to the Group shall be for facilitating the contract between us for products and services that you have applied; <i>syarikat yang berkaitan dengan Bank menurut kuasa Akta Syarikat 2016 atau mana-mana syarikat sekutu Bank (Bank beserta dengan syarikat berkaitan/sekutu tersebut dirujuk secara kolektif sebagai "Kumpulan") dan pemegang serah hak dan pengganti hak milik. Untuk mengelakkan keraguan, pendedahan kepada Kumpulan adalah untuk memudahkan kontrak antara kami untuk produk dan perkhidmatan yang anda gunakan;</i></p> <p>(ii) regulatory bodies, government agencies, tax authorities, the police, law enforcement bodies and courts, both within and outside Malaysia including pursuant to the Foreign Account Tax Compliance Act of the United States and Common Reporting Standard ("CRS") Policy; <i>badan-badan kawal selia, agensi kerajaan, pihak berkuasa cukai, polis, badan-badan penguatkuasaan undang-undang dan mahkamah, di dalam dan luar Malaysia termasuklah yang menurut Akta Pematuhan Cukai Akaun Asing Amerika Syarikat dan Standard Pelaporan Bersama (CRS);</i></p> <p>(iii) other banks or financial institutions and any other relevant authority as may be authorised by law to obtain such information, or such authorities/agencies established by Bank Negara Malaysia, or any agency established by the Association of Banks in Malaysia / Association of Islamic Banks in Malaysia. For avoidance of doubt, the disclosure shall be for facilitating the contract between us for products and services that you have applied; <i>bank-bank atau institusi kewangan lain dan mana-mana pihak berkuasa yang berkaitan sebagaimana yang diberi kuasa oleh undang-undang untuk mendapatkan maklumat sedemikian, atau pihak berkuasa/agensi sedemikian yang ditubuhkan oleh Bank Negara Malaysia, atau mana-mana agensi yang ditubuhkan oleh Persatuan Bank-bank dalam Malaysia/ Persatuan Institusi Perbankan Islam Malaysia. Untuk mengelakkan keraguan, pendedahan kepada Kumpulan adalah untuk memudahkan kontrak antara kami bagi produk dan perkhidmatan yang anda gunakan;</i></p> <p>(iv) Central Credit Reference Information System, Dishonoured Cheques Information System, credit bureaus, credit reporting agencies and corporations set up for the purposes of collecting and providing credit information; <i>Sistem Maklumat Rujukan Kredit Pusat, Sistem Maklumat Cek Tidak Laku, biro kredit, agensi pelaporan kredit dan syarikat-syarikat yang ditubuhkan untuk tujuan mengumpul dan menyediakan maklumat kredit</i></p> <p>(v) the Bank's accountants, auditors, solicitors, advisors, consultants and/or other agents as may be required for the proper performance of their functions, duties and obligations to the Bank and the Group;</p> |

| No | Section/ Seksyen | New/ Revised Clause Baru / Klausu yang dipinda |
|----|---------------------|---|
| | | <p><i>akauntan Bank, juruaudit, peguam cara, penasihat, perunding dan/atau agen lain sebagaimana yang diperlukan untuk menjalankan fungsi, kewajipan dan obligasi mereka dengan sewajarnya kepada Bank dan Kumpulan;</i></p> <p>(vi) the Bank's service providers, nominees, agents, contractors or third party service providers engaged by the Bank and its related or associated companies to carry out the Bank's functions and activities; <i>penyedia perkhidmatan, penama, agen, kontraktor atau penyedia perkhidmatan pihak ketiga yang dilibatkan oleh Bank dan syarikat-syarikat yang berkaitan atau sekutu mereka untuk menjalankan fungsi dan aktiviti Bank;</i></p> <p>(vii) any entity which the Bank thinks fit taking into consideration public interest, allegations of fraud/forgery/any crime allegedly committed through the Account and/or by the Customer; <i>mana-mana entiti yang dianggap wajar oleh Bank dengan mengambil kira kepentingan awam, dakwaan penipuan/pemalsuan/apa-apa jenayah yang didakwa telah dilakukan melalui Akaun dan/atau oleh Pelanggan;</i></p> <p>(viii) an external party as may be required for any corporate exercises / due diligence activities undertaken by the Bank and the Group; <i>pihak luar sebagaimana yang diperlukan bagi apa-apa amalan korporat/aktiviti usaha wajar yang dijalankan oleh Bank dan Kumpulan;</i></p> <p>(ix) any party which in the future may express intention to acquire an interest / shareholding in the Bank / pursuant to any proposed arrangement, composition, merger, acquisition / restructuring between the Bank and such parties; and <i>mana-mana pihak yang mungkin akan menyatakan niat untuk mengambil alih kepentingan/pegangan saham dalam Bank/menurut apa-apa rancangan, komposisi , penggabungan, pengambilalihan/penstrukturan semula yang dicadangkan di antara Bank dan pihak seumpamanya; dan</i></p> <p>(x) any other persons or entities with the Customer's prior consent. <i>mana-mana individu atau entiti lain dengan kebenaran Pelanggan terlebih dahulu.</i></p> <p>(b) The Customer hereby consents to such disclosure and confirms that the Bank, the Group, its officers and employees shall be under no liability for furnishing such information or for the consequences of any reliance which may be placed on the information so furnished in accordance with this terms and conditions. <i>Pelanggan dengan ini memberi kebenaran yang tidak boleh ditarik balik bagi pendedahan sedemikian dan mengesahkan bahawa Bank, Kumpulan, pegawai dan kakitangannya tidak dipertanggungjawabkan kerana memberikan maklumat seumpamanya atau atas akibat apa-apa kebergantungan kepada maklumat yang diberikan mengikut terma dan syarat ini.</i></p> <p>14.9 Exclusion of Liability/ Pengecualian Liabiliti</p> <p>(a) Neither us nor any of our directors, employees or agents shall have any liability (whether in contract, tort or otherwise) for any loss, expenses or damage suffered by you as a result of: <i>Sama ada kami atau mana-mana pengarah, pekerja atau ejen tidak mempunyai sebarang liabiliti (sama ada dalam kontrak, tort atau sebaliknya) untuk sebarang kerugian, perbelanjaan atau kerosakan yang anda alami akibat daripada:</i></p> |

| No | Section/ Seksyen | New/ Revised Clause <i>Baru / Klausu yang dipinda</i> |
|----|---------------------|---|
| | | <p><u>The following clauses have been revised / Klausu berikut telah dipinda:</u></p> <p>ii any cause beyond our control, including but not limited to restrictions imposed by any applicable laws, breakdown or failure of transmission or communication or computer facilities, postal or other strikes or similar industrial action, force majeure, thereby causing our failure to perform our obligations to you hereunder; or <i>apa-apa punca diluar kawalan kami termasuk tetapi tidak terhad kepada sekatan yang dikenakan oleh mana-mana undang-undang berkenaan, kerosakan, atau kegagalan dalam penghantaran atau komunikasi atau kemudahan komputer, pos atau mogok atau tindakan perindustrian yang sama, atau force majeure, sekali gus menyebabkan kegagalan kami untuk melaksanakan kewajipan kami kepada anda di bawah ini; atau</i></p> <p>(b) The Bank shall not be liable for any loss, liability, damage, claim, cost or expense suffered or incurred by you arising from any cause whatsoever, including but not limited to any loss, liability, damage, claim, cost or expense howsoever arising or in connection with any of the following, except as a result of fraud or willful default on our part: <i>Bank tidak akan bertanggungjawab terhadap sebarang kerugian, liabiliti, kerosakan, tuntutan, kos atau perbelanjaan yang dialami atau ditanggung oleh anda yang timbul atas apa-apa sebab sekalipun, termasuk tetapi tidak terhad kepada sebarang kerugian, liabiliti, kerosakan, tuntutan, kos atau perbelanjaan walau apa jua yang timbul atau berkaitan dengan mana-mana daripada yang berikut, kecuali akibat penipuan atau keingkaran sengaja di pihak kami:</i></p> <p>i your investment of Structured Investment with us; <i>pelaburan anda untuk melabur Pelaburan Berstruktur dengan kami;</i></p> <p>ii the operation of any of your Accounts, whether by you or by us on your behalf, under these General Terms ; <i>pengendalian apa-apa akaun anda, sama ada oleh anda atau oleh kami bagi pihak anda dibawah Terma Am ini;</i></p> <p>14.10 Successors; Assignment / <i>Pengganti; Penyerahan Hak</i></p> <p>(a) The Bank shall be entitled to assign or transfer all of our rights, interests and benefits under these General Terms at any time without your prior consent. <i>Bank berhak untuk menyerahhak atau memindahkan semua hak kami, kepentingan dan manfaat di bawah Terma Am ini pada bila-bila masa tanpa persetujuan anda terlebih dahulu.</i></p> <p>(b) These General Terms is binding on both your and our respective successors in title, permitted transferees and permitted assigns and shall continue to be binding on you notwithstanding: <i>Terma Am ini mengikat kedua-duanya pengganti anda dan kami masing-masing dalam hakmilik, penerima pindahan dibenarkan dan penerima serah hak yang dibenarkan dan akan terus mengikat anda walaupun:</i></p> <p>ii. any merger, consolidation or amalgamation on our part into any other entity, and in such event, such entity shall thereupon substitute for us in relation to this AgreementGeneral Terms, all accounts and all services, made available</p> |

| No | Section/ Seksyen | New/ Revised Clause Baru / Klausu yang dipinda |
|-----|---|--|
| | | <p>at that time by us to you and this AgreementGeneral Terms shall continue in force as between you and such entity. <i>apa-apa penggabungan, penyatuan atau percantuman di pihak kami ke dalam mana-mana entiti lain, dan dalam hal sedemikian, maka entiti itu akan menggantikan kami berhubung dengan PerjanjianTerma Am ini, semua akaun dan perkhidmatan, yang disediakan pada masa itu oleh kami kepada anda dan PerjanjianTerma Am ini akan terus berkuat kuasa antara anda dan entiti tersebut.</i></p> <p>14.11 Severability / Pengasingan</p> <p>Each provision in this General Terms is a separate and independent provision and if any of the provisions herein is or shall become invalid, illegal or unenforceable in any respect under any applicable law, the validity, legality and enforceability of the remaining provisions hereof shall not in any way be affected or impaired. <i>Setiap peruntukan dalam Terma Am ini adalah peruntukan yang berasingan dan bebas dan jika mana-mana peruntukan di dalam ini adalah atau akan menjadi tidak sah, menyalahi undang-undang atau tidak boleh dikuatkuasakan dalam apa-apa aspek di bawah mana-mana undang-undang yang berkenaan, maka kesahihan, kesahan dan penguatkuasaan peruntukan-peruntukan lain dalam Terma Am ini tidak akan terjejas dalam apa-apa cara.</i></p> <p>14.12 Governing Law and Jurisdiction / Pentadbiran Undang – undang dan Bidang Kuasa</p> <p>(a) This General Terms, the Accounts, the Structured Investments and all matters relating thereto shall be governed by the laws of Malaysia. <i>Terma Am ini, Akaun, Pelaburan Pautan Berstruktur dan semua perkara yang berkaitan dengannya adalah tertakluk oleh undang-undang Malaysia.</i></p> |
| 14. | General / Am (Clause 14/ Klausu 14) | <p><u>The following clauses have been removed / Klausu berikut telah dikeluarkan</u></p> <p>14.6 Variation / Perubahan</p> <p>a. iii. displaying notices at any of the Bank’s branches or automated teller machines; <i>mempamerkan notis di mana-mana cawangan Bank atau mesin juruwang;</i></p> <p>iv. advertisements in any newspaper; and <i>mengiklankan dalam mana-mana suratkhobar; dan</i></p> |
| 15. | Anti-Bribery and Corruption / Pencegahan Sogokan dan Rasuah (Clause 15/ Klausu 15) | <p><u>The following new clauses have been added/ Klausu berikut telah dipinda:</u></p> <p>15. Anti-Bribery and Corruption/ Pencegahan Sogokan dan Rasuah</p> <p>(a) The Bank has instituted and maintains policies and procedures designed to prevent bribery and corruption by the Bank and its directors, officers, or employees; and to the best of the Bank’s knowledge, neither the Bank nor any director, officer, or employee of the Bank has engaged in any activity or conduct which would violate any anti-bribery or anti-corruption law or regulation applicable to the Bank. The Bank has not, and covenants that it will not, in connection with the conduct of its business activities, promise, authorize, ratify or offer to make, or take any act in furtherance</p> |

| No | Section/ Seksyen | New/ Revised Clause <i>Baru / Klausula yang dipinda</i> |
|----|---------------------|--|
| | | <p>of any payment, contribution, gift, reimbursement or other transfer of anything of value, or any solicitation, directly or indirectly to any individual.</p> <p><i>Bank telah menetapkan dan memelihara dasar dan prosedur yang dirancang untuk mencegah rasuah (sogokan) dan rasuah oleh Bank dan para pengarah, pegawai, atau pekerjanya; dan sepanjang pengetahuan Bank, baik Bank mahupun pengarah, pegawai, atau pekerja Bank telah melakukan aktiviti atau tingkah laku yang akan melanggar undang-undang atau peraturan anti-sogokan atau anti-rasuah yang berlaku pada Bank. Bank tidak, dan berjanji bahawa tidak akan, berhubung dengan pelaksanaan kegiatan bisnisnya, berjanji, meluluskan, meratifikasi atau menawarkan untuk membuat, atau mengambil tindakan apa pun untuk melanjutkan pembayaran, sumbangan, hadiah, penggantian pembayaran atau pemindahan lain apa-apa nilai, atau permintaan, secara langsung atau tidak langsung kepada mana-mana individu.</i></p> <p>(b) By virtue of applying for a Product, Customer hereby acknowledges that it has been made aware of the Bank's anti-bribery and corruption summary of the policy available at https://www.alliancebank.com.my/Anti-Bribery-and-Corruption-Summary-of-Policy.aspx and further covenants/ undertakes that it shall not indulge in such corrupt practices in whatsoever manner whether directly or indirectly with any directors, officers or employees of the Bank.</p> <p><i>Berdasarkan permohonan untuk Pelaburan Pautan Berstruktur ini, Pelanggan dengan ini mengakui bahawa ia telah dimaklumkan mengenai ringkasan dasar anti-sogokan dan rasuah Bank yang terdapat di https://www.alliancebank.com.my/Anti-Bribery-and-Corruption-Summary-of-Policy.aspx dan perjanjian-perjanjian selanjutnya/ berjanji bahawa ia tidak akan melakukan amalan rasuah sedemikian dengan apa cara sekalipun sama ada secara langsung atau tidak langsung dengan mana-mana pengarah, pegawai atau pekerja Bank.</i></p> |